



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld2(1)
Tarikh : 14 Mei 2020

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**PELANTIKAN GURU TINGKATAN ENAM BERDASARKAN KESESUAIAN OPSYEN
DAN PENAMBAHAN MATA PELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN (SEMAKAN 2020)**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Pelantikan Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Kesesuaian Opsyen dan Penambahan Mata Pelajaran Tahfiz Al-Quran (Semakan 2020).

2. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 06/2018 bertarikh 1 Mac 2018 telah meluluskan pelaksanaan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran bagi memperluas kurikulum bersepadu Tahfiz pada peringkat Tingkatan Enam sekolah agama mulai tahun 2019. Penambahan mata pelajaran tersebut menjadikan keseluruhan mata pelajaran Tingkatan Enam adalah sebanyak 24 mata pelajaran seperti pada **Lampiran A**.

3. Selain itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Semakan dan Penambahbaikan *Standard Operating Procedure* (SOP) Tingkatan Enam telah diadakan pada 4 November 2019 dan 14 November 2019. Mesyuarat ini telah bersetuju untuk membuat penambahbaikan terhadap surat siaran sedia ada dengan membuat pindaan kepada syarat kesesuaian opsyen pelantikan guru Tingkatan Enam.

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

4. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah perlu memastikan pelantikan guru Tingkatan Enam dibuat berdasarkan kepada cadangan kesesuaian opsyen yang telah diluluskan seperti pada **Lampiran A** dengan mengambil kira satu daripada antara perkara yang berikut:

- 4.1 guru yang dilantik hendaklah memiliki **opsyen mata pelajaran yang ditawarkan**; atau
- 4.2 sekiranya keperluan syarat 4.1 tidak dapat dipenuhi, **opsyen minor guru boleh diambil kira**; atau
- 4.3 sekiranya keperluan syarat 4.1 dan 4.2 tidak dapat dipenuhi, guru yang mengajar mana-mana mata pelajaran Tingkatan Enam dan tidak mempunyai opsyen yang disenaraikan tetapi **berpengalaman mengajar mata pelajaran berkenaan lebih daripada lima tahun berturut-turut boleh dipertimbangkan** untuk dilantik.

5. Surat siaran ini **berkuat kuasa** mulai pada tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh itu, Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 16 Tahun 2016: Pelantikan Guru Tingkatan Enam Berdasarkan Kesesuaian Opsyen bertarikh 18 Oktober 2016 adalah **dibatalkan**.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD dan pengetua bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua Nazir
Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN A

**Cadangan Kesesuaian Opsyen Mengikut Mata Pelajaran
bagi Pelantikan Guru Tingkatan Enam**

BIL.	MATA PELAJARAN	OPSYEN	CADANGAN OPSYEN LAIN	CATATAN
1	Bahasa Inggeris (MUET)	<i>Teaching English as A Second Language (TESL)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Bahasa Inggeris • <i>English for Professional Communication</i> • <i>English Language and Literature</i> • <i>Literature</i> 	
2	<i>Literature in English</i>	Pengajian Inggeris (Kesusasteraan)	<ul style="list-style-type: none"> • TESL • <i>English Language and Literature</i> • <i>English Language Studies</i> • <i>Linguistics</i> 	
3	Pengajian Am	Pengajian Am	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Malaysia • Sejarah • Bahasa Melayu • Geografi • Ekonomi • Pengajian Perniagaan • Kesusasteraan Melayu • Perakaunan • Sains • Matematik • Fizik • Kimia • Biologi 	<p>Isi kandungan Pengajian Am meliputi semua bidang seperti sosial budaya, keagamaan, integrasi, perpaduan, sains dan teknologi. Bagi guru yang tidak mempunyai opsyen yang disenaraikan tetapi berpengalaman mengajar Pengajian Am lebih daripada lima tahun boleh dipertimbangkan untuk dilantik.</p> <p>Untuk kes kritikal di kawasan pedalaman, guru opsyen Sains boleh mengajar Pengajian Am. Guru boleh</p>

BIL.	MATA PELAJARAN	OPSYEN	CADANGAN OPSYEN LAIN	CATATAN
				dilantik dengan syarat mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun.
4	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajaran Bahasa Melayu (Linguistik) • Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama • Linguistik Bahasa Melayu 	
5	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	<ul style="list-style-type: none"> • Kesusasteraan Melayu • Persuratan Melayu • Pengajian Sastera (Kesusasteraan Melayu) • Pengajian Melayu (Kesusasteraan Melayu) 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu • Pengajian Melayu (Linguistik) • Komunikasi • Pengajian Media • Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama 	
6	Bahasa Cina	Bahasa Cina	Tiada	
7	Bahasa Tamil	Bahasa Tamil	Tiada	
8	Bahasa Arab	Bahasa Arab	Tiada	
9	Syariah	Syariah	Pendidikan Islam	Mana-mana bidang Pengajian Islam peringkat ijazah sarjana muda layak dipertimbangkan dan boleh dilantik.
10	Usuluddin	Usuluddin	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Islam • Ilmu Wahyu dan Warisan Islam 	Mana-mana bidang Pengajian Islam peringkat ijazah sarjana muda layak dipertimbangkan dan boleh dilantik.

BIL.	MATA PELAJARAN	OPSYEN	CADANGAN OPSYEN LAIN	CATATAN
11	Sejarah	Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Politik • Tamadun Islam • Undang-undang 	
12	Geografi	Geografi	<ul style="list-style-type: none"> • Geologi • Sains Pembangunan 	
13	Ekonomi	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Perniagaan • Pengajian Perniagaan • Perakaunan • Keusahawanan • Perdagangan 	
14	Pengajian Perniagaan	Pengajian Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi • Pengurusan Perniagaan • Perakaunan • Keusahawanan • Perdagangan 	
15	Perakaunan	Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Perniagaan • Ekonomi 	
16	<i>Mathematics</i> (M)	Matematik	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik - Fizik <i>(Double major)</i> • Kimia - Matematik <i>(Double major)</i> • Biologi - Matematik <i>(Double major)</i> • Matematik Komputensi • Matematik - Ekonomi • <i>Financial Mathematics</i> 	
17	<i>Mathematics</i> (T)	Matematik	<ul style="list-style-type: none"> • Matematik - Fizik <i>(Double major)</i> • Kimia - Matematik <i>(Double major)</i> • Biologi - Matematik <i>(Double major)</i> 	

BIL.	MATA PELAJARAN	OPSYEN	CADANGAN OPSYEN LAIN	CATATAN
18	<i>Information and Communications Technology (ICT)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Sains Komputer • Teknologi Maklumat dan Komunikasi 		Mana-mana bidang Pengajian Teknologi Maklumat peringkat ijazah sarjana muda layak dipertimbangkan dan boleh dilantik.
19	<i>Physics</i>	Fizik	<ul style="list-style-type: none"> • Sains • Matematik - Fizik (<i>Double major</i>) • Kimia - Fizik (<i>Double major</i>) • Biologi - Fizik (<i>Double major</i>) 	
20	<i>Chemistry</i>	Kimia	<ul style="list-style-type: none"> • Sains • Matematik - Kimia (<i>Double major</i>) • Kimia - Fizik (<i>Double major</i>) • Biologi - Kimia (<i>Double major</i>) 	
21	<i>Biology</i>	Biologi	<ul style="list-style-type: none"> • Sains • Matematik - Biologi (<i>Double major</i>) • Kimia - Biologi (<i>Double major</i>) • Biologi - Fizik (<i>Double major</i>) 	
22	Sains Sukan	Sains Sukan	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Psikologi Sukan) dengan Kepujian • Pendidikan Sains Sukan • Pendidikan Jasmani dan Kesihatan • Sains Kejurulatihan • Fisioterapi Sukan • Pemakanan Sukan • Pengurusan Sukan 	

BIL.	MATA PELAJARAN	OPSYEN	CADANGAN OPSYEN LAIN	CATATAN
23	Seni Visual	Seni Visual	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Seni • Pendidikan Seni Halus • Pengajian Seni dan Kreatif 	
24	Tahfiz Al-Quran	Tahfiz Al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> • Al-Quran dan Al-Qiraat • Al-Quran dan Al- Sunnah (Qiraat) • Quran dan Multimedia • Pengajian Bahasa Arab • Pengajian Islam atau Pendidikan Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat dan Diploma Pendidikan • Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Arab, Diploma Pendidikan dan Diploma Tahfiz yang diiktiraf • Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau Pendidikan Islam, Diploma Pendidikan dan Diploma Tahfiz yang diiktiraf • Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan